



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**DAERAH ISTIMEWA ACEH SEBAGAI SERAMBI MEKAH**

**MOHD ZAILANI BIN HAJI MOHD YUSOFF**

**FEM 2001 7**

**DAERAH ISTIMEWA ACEH SEBAGAI SERAMBI MEKAH**

**MOHD ZAILANI BIN HAJI MOHD YUSOFF**

**MASTER SAINS  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2001**



**DAERAH ISTIMEWA ACEH SEBAGAI SERAMBI MEKAH**

**OLEH :**

**MOHD ZAILANI BIN HAJI MOHD YUSOFF**

**Tesis Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan Ijazah Master Sains  
di Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia**

**Januari 2001**



## DEDIKASI

***Buat tatapan ibu dan ayah serta seluruh keluarga tercinta  
Tidak lupa kepada kawan-kawan yang  
sentiasa memberikan semangat  
dan komitmen selama ini***

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

## **DAERAH ISTIMEWA ACEH SEBAGAI SERAMBI MEKAH**

Oleh :

**MOHD ZAILANI BIN HAJI MOHD YUSOFF**

**JANUARI 2001**

**Pengerusi : Haji Ahmad Fauzi Bin Haji Morad**

**Fakulti : Fakulti Ekologi Manusia**

Kajian ini secara objektifnya akan menyingkap dua status yang telah diberikan kepada Propinsi (negeri) Aceh iaitu Daerah Istimewa dan Serambi Mekah. Kedua-dua status ini telah dinobatkan kerana wujudnya keistimewaan tersendiri yang dimiliki oleh negeri tersebut. Jesteru, kajian ini telah memberikan tumpuan kepada latar belakang penerimaan dan perkembangan Islam di Nusantara dengan menfokuskan peranan Aceh sebagai pusat penyebaran Islam. Selain itu, proses perkembangan ilmu pengetahuan juga turut diberi perhatian dalam kajian ini lantaran ianya menjadi pemangkin kepada proses anjakan paradigma masyarakat Islam di alam Melayu. Fenomena inilah yang melonjakkan kedudukan Aceh sehingga dimartabatkan sebagai Serambi Mekah. Tidak ditinggirkan, aspek sejarah juga turut diberi perhatian dalam kajian ini. Fokus utama yang dilakukan dengan melihat faktor-faktor berlakunya Gerakan Darul Islam, fenomenanya dan strategi pemerintah untuk menangani pergolakan yang berlaku serta pengisian-pengisian yang dilakukan oleh Pemerintah Aceh dalam usaha mereka untuk merealisasikan gelaran Aceh sebagai Propinsi Daerah Istimewa Aceh.

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan, pengkaji telah berjaya mengenengahkan beberapa perkara berikut sebagai intipati kajian. *Pertama*, wujudnya proses jaringan ulama di antara Aceh-Mekah telah berjaya membentuk sebuah tamadun Islam khususnya dalam menguasai pemikiran masyarakat di alam Melayu. *Kedua*, wujudnya pengaruh Islam dalam bidang politik, kesusasteraan tasawuf dan pendidikan telah menjadi pemangkin kepada perkembangan Islam yang dilakukan oleh kerajaan-kerajaan Islam di Aceh ke atas wilayah-wilayah kekuasaannya. *Ketiga*, kesan peninggalan naskah-naskah kuno adalah menjadi bukti telah wujudnya konsep integrasi pendidikan di antara Mekah-Aceh. Ianya juga telah menunjukkan bahawa dengan kekuatan pemikiran para ulama Mekah sedikit sebanyak telah menjadi motivasi kepada usaha-usaha penyebaran Islam di Nusantara. *Keempat*, realitinya, gelaran Daerah Istimewa Aceh tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan gelaran Serambi Mekah. Namun begitu, gelaran Daerah Istimewa Aceh hanyalah satu helah politik pemerintah Republik Indonesia dalam usaha untuk mengaburi pemikiran masyarakat Aceh semata-mata untuk menghalang Aceh menuntut kemerdekaan daripada pemerintah tersebut. *Kelima*, strategi pengisian oleh pihak-pihak berwajib seperti menubuhkan Majlis Ulama Indonesia (MUI), Lembaga Adat dan Kebudayaan Aceh (LAKA) dan Majlis Pendidikan Daeran (MPD) sedikit sebanyak telah merealisasikan gelaran Daerah Istimewa Aceh. Seungguhpun demikian, semua ini adalah bersifat sementara kerana pengiktirafan tersebut tidak mempunyai apa-apa makna menurut persepsi masyarakat Aceh.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**SPECIAL PROVINCE ACEH AS THE PASSAGEWAY OF ISLAM**

by :

**MOHD ZAILANI BIN HAJI MOHD YUSOFF**

**JANUARI 2001**

**Chairman : Haji Ahmad Fauzi Bin Haji Morad**

**Faculty : Human Ecology**

This research seeks to examine the reasons Aceh has come to acquire the special status as the passageway of Islam and how it also has come to be bestowed the status as a Special Province by the Indonesian national government. Both titles have come to be bestowed upon Aceh due to the province's unique features. In an attempt to explain how Aceh has come to acquire the two special status, Aceh's history will be closely scrutinised in order to understand how Islam came to the state and from which Islam later spread and flourished to the other parts of the Malay World. This was an important development that later earned Aceh the status as the Passageway of Islam (Serambi Mekah) in the Malay World. In addition to this, there developed in Aceh an Islamic movement called Darul Islam. In this respect, the study seeks to understand how this movement contributed to Aceh later been given the status as a Special Province.

There were several important findings emerging from this research. First, there existed a missionary networking between religious teachers in Aceh and Mecca. This



religious network was important in its influence in the spread, teaching, interpretations and thinking of Islam in the Malay World. Secondly, the influence of Islam in politics, tasawuf literature and education played an important role as the catalyst in the further development of Islam by other Islamic leaders within the Malay World.

Thirdly, the existence of old manuscripts showed that there was a strong educational link between Aceh and Mecca. The history of the strength and resolve of the religious teachers of Mecca became the inspiration for religious teachers and their teaching of Islam in the Malay World. Fourthly, this study shows that there is no apparent and important link between the status of Aceh as a Special Province and Aceh as the Passageway of Islam in the Malay World. The study showed that Aceh's status as a Special Province is merely a political ploy conceived by the Indonesian national government to appease the state that had frequently sought independence from Indonesia. Fifthly, the study showed that it was the work of such institutions as the Majelis Ulama Indonesia (MUI), the Lembaga Adat dan Kebudayaan Aceh (LAKA), and the Majelis Pendidikan Daerah (MPD) that had contributed significantly to Aceh's acknowledgement as the Passageway of Islam in the Malay World. Nevertheless, to the Aceh community, the status of Aceh as the Passageway of Islam is merely a recognition as the status is non-official. It is merely an acknowledgement among leading scholars of Islam for Aceh's role in the spread of Islam.



## PENGHARGAAN

### **Bismillahirrahmanirrahim**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT. kerana dengan taufiq dan hidayah-Nya, pengkaji dapat menyempurnakan kajian ini. Justeru itu, banyak pihak yang telah terlibat dalam memberi kerjasama dan sokongan dalam menyiapkan kajian bagi membolehkan pengkaji menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Sains (Master Sains) dalam bidang pengajian Falsafah dan Ketamadunan. Oleh itu, dalam kesempatan ini, pengkaji ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada pihak-pihak tertentu yang telah memberi kerjasama mereka bagi menjayakan kajian ini.

Terlebih dahulu penghargaan yang tidak terhingga dan ribuan terima kasih pengkaji ucapkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan, Tuan Haji Ahmad Fauzi Bin Haji Morad yang juga selaku Penasihat Akademik pengkaji. Ucapan penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Jayum Anak Jawan dan Tuan Haji Md. Bohari bin Ahmad selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan, di atas nasihat, tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan di sepanjang kerja-kerja untuk menyempurnakan penulisan tesis ini.

Ucapan terima kasih, pengkaji tujukan kepada pihak Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, khususnya pensyarah-pensyarah dan kakitangan di atas kemurahan hati memberikan kerjasama, bantuan dan kemudahan kepada pengkaji di sepanjang tempoh pengajian. Tidak ketinggalan juga diucapkan setinggi-tinggi terima

kasih kepada pihak-pihak yang telah memberikan sumbangan bahan-bahan rujukan. Terutamanya pihak kakitangan Perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan ISTAC, Perpustakaan Institut Agama Islam Negeri Ar-Raniry, Pengarah Arkib Nasional Banda Aceh, Pengarah Pusat Ilmu-Ilmu Sosial, Universiti Syiah Kuala, Darussalam Banda Aceh dan perpustakaan-perpustakaan milik peribadi seperti Perpustakaan A. Hasjmy dan lain-lain.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua rakan-rakan dan orang perseorangan, ahli akademik, pengarah-pengarah di institusi pentadbiran di Banda Aceh Indonesia dan Teungku (ulama) terkemuka di Propinnsi Daerah Istimewa Aceh yang telah memberikan kerjasama dan sokongan kepada pengkaji semasa pengumpulan data untuk kajian ini dilakukan. Seterusnya, tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada ibu, ayah, seluruh keluarga, pihak Universiti Utara Malaysia (UUM) dan rakan-rakan terutamanya Mohd Zohdi bin Said, Arnan bin Bidin dan Mahyudin bin Abu Bakar yang sentiasa berdoa dan memberi perangsang serta berkorban untuk kejayaan ini.

Akhir sekali, pengkaji berdoa semoga semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam usaha menyiapkan kajian ini, diberi ganjaran yang setimpal oleh Allah SWT. di atas khidmat yang mulia ini. Pengkaji juga amat mengharapkan limpah kurniaan-Nya agar tesis ini akan diterima sebagai amalan soleh di sisi-Nya dan sebagai secebis sumbangan terhadap agama serta dapat memberikan manfaat kepada seluruh umat Islam, Amin Ya Rabbal 'Alamin.


Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Mohd Zailani bin Mohd Yusoff telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 8 Januari 2001 untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk “Daerah Istimewa Aceh Sebagai Serambi Mekah” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksaan memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksaan adalah seperti berikut :

Zaid bin Ahmad, Ph.D  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

Haji Ahmad Fauzi bin Haji Morad  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

Jayum Anak Jawan, Ph.D  
Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

Haji Md. Bohari bin Ahmad  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)



---

MOHD GHAZALI MOHAYIDIN, Ph.D  
Profesor  
Timbalan Dekan Pusat Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 15 FEB 2001


Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains.

---

KAMIS AWANG, Ph.D  
Profesor Madya  
Dekan Pusat Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, stylized 'Z' followed by a horizontal line with an arrow pointing to the right. Above the signature, there are two small, handwritten characters, possibly 'R' and 'J'.

(Mohd Zailani Bin Mohd Yusoff)

Tarikh : 15 FEBRUARU 2001

## KANDUNGAN

Muka Surat

DEDIKASI .....	ii
ABSTRAK .....	iii
ABSTRACT .....	v
PENGHARGAAN .....	vii
LEMBARAN PENGESAHAN .....	ix
PENYATAAN KEASLIAN .....	xi
SENARAI JADUAL .....	xvi
SENARAI RAJAH .....	xvii
SENARAI SINGKATAN .....	xvii

### BAB

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN .....</b>	<b>1</b>
	1.1. Latar Belakang Kajian .....	1
	1.2 Pernyataan Kajian .....	7
	1.3 Kepentingan Kajian .....	13
	1.4 Objektif Kajian .....	14
<b>2</b>	<b>SOROTAN KARYA TERPILIH .....</b>	<b>15</b>
	2.1 Pengenalan .....	15
	2.2 Sorotan Ke atas Kajian Lepas .....	15
	2.3 Kerangka Teori Kajian .....	22
	2.3.1 Landasan Teori Kajian .....	23
	2.3.2 Kerangka Konseptual Kajian .....	36
	2.4 Organisasi Tesis .....	38
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN .....</b>	<b>40</b>
	3.1 Pengenalan .....	40
	3.2 Lokasi Kajian .....	40
	3.3 Pengumpulan Data .....	41
	3.3.1 Kajian Perpustakaan .....	41
	3.3.2 Pemerhatian .....	41
	3.3.3 Temubual .....	42
	3.4 Informan Kajian .....	43
	3.5 Analisis Data .....	45



<b>4</b>	<b>GAMBARAN UMUM PROPINSI DAERAH ISTIMEWA ACEH ...</b>	<b>46</b>
	4.1 Pengenalan .....	46
	4.2 Kedudukan Geografi .....	47
	4.3 Demografi Penduduk .....	49
	4.4 Sistem Politik dan Pentadbiran Kerajaan .....	52
	4.5 Sistem Pendidikan .....	56
	4.6 Kebudayaan .....	58
	4.7 Kehidupan beragama .....	60
	4.8 Kesimpulan .....	65
<b>5</b>	<b>ACEH SERAMBI MEKAH .....</b>	<b>66</b>
	5.1 Pengenalan .....	66
	5.2 Kelahiran Kerajaan Islam Aceh .....	67
	5.2.1 Kerajaan Islam Perlak .....	68
	5.2.2 Kerajaan Islam Samudera Pasai .....	75
	5.2.3 Kerajaan Islam Aceh Darussalam .....	81
	5.3 Pengaruh Islam Terhadap Anjakan Paradigma dalam Sistem Kehidupan .....	86
	5.3.1 Sistem Politik .....	86
	5.3.2 Kesusasteraan Tasawuf Berkonsepkan Neo-Sufisme .....	90
	5.3.3 Sistem Pendidikan .....	97
	5.4 Penilaian Terhadap Konsep Aceh Sebagai Serambi Mekah .....	105
	5.4.1 Hasil Dapatan Kajian.....	105
	5.4.1.1 Fakta Lama .....	106
	5.4.1.1.1 Kemasyhuran Ulama Aceh .....	106
	5.4.1.1.2 Aceh Sebagai Pusat Persinggahan dan Persediaan Jemaah Haji Sebelum Ke Ke Mekah .....	118
	5.4.1.1.3 Aceh Sebagai Pusat Rujukan Agama Nusantara .....	119
	5.4.1.1.4 Ketokohan Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari .....	121
	5.4.1.2 Fakta Baru .....	123
	5.4.1.2.1 Kenyataan Wasiat Salasilah T.M. Zamzami Al-Hadramy .....	123
	5.4.1.2.2 Integrasi Pendidikan Aceh dengan Mekah .....	127
	5.4.1.2.3 Peninggalan Naskah-Naskah Kuno .....	132
	5.5 Kesimpulan .....	133
<b>6</b>	<b>DAERAH ISTIMEWA ACEH .....</b>	<b>136</b>
	6.1 Pengenalan .....	136
	6.2 Penentangan Terhadap Kolonial Belanda .....	137
	6.3 Kemerdekaan Republik Indonesia .....	138
	6.4 Pengiktirafan Aceh Sebagai Daerah Modal .....	139
	6.5 Kebangkitan Gerakan Darul Islam (DI/TII) .....	141

6.5.1	Faktor-Faktor Kebangkitan Gerakan Darul Islam .....	142
6.5.1.1	Pengabaian Pihak Pusat Terhadap Pelaksanaan Hukum Islam .....	142
6.5.1.2	Penolakan Status Aceh Sebagai Propinsi Autonomi Luas .....	145
6.5.1.3	Pembubaran Propinsi Aceh .....	146
6.5.1.4	Pemecatan Teungku Muhammad Daud Beureueh Sebagai Gabenor Propinsi Aceh .....	151
6.5.1.5	Konspirasi Pihak Komunis .....	152
6.6	Strategi Menangani Krisis Gerakan Darul Islam .....	154
6.6.1	Pembentukan Semula Propinsi Aceh .....	155
6.6.2	Gagasan " <i>Konsepsi Prinsipil Bijaksana</i> " .....	157
6.6.3	Misi Hardi SH. ....	161
6.7	Pengiktirafan Aceh Sebagai Daerah Istimewa .....	163
6.7.1	Penghayatan Kehidupan Beragama .....	164
6.7.2	Sistem Pendidikan .....	167
6.7.2.1	Konsep Pendidikan Pesantren. ....	169
6.7.2.1.1	Pesantren Tradisional .....	169
6.7.2.1.1.1	Pesantren Tradisional Berkonsepkan Dayah .....	169
6.7.2.1.1.2	Pesantren Tradisional Berkonsepkan Zawiyah .....	170
6.7.2.1.2	Pesantren Terpadu/Moden .....	173
6.7.2.1.3	Pesantren Unggul .....	176
6.7.3	Kebudayaan .....	178
6.8	Penilaian Semula Terhadap Pengiktirafan Propinsi Daerah Istimewa Aceh .....	181
6.8.1	Kegusaran Hardi SH. Sebagai Ketua Misi Pemerintah Pusat .....	182
6.8.2	Pembubaran Kabinet Karya .....	183
6.8.3	Penglibatan Gabenor A. Hasjmy .....	185
6.9	Kesimpulan .....	187
7	<b>PENUTUP</b> .....	190
7.1	Kesimpulan .....	190
7.2	Cadangan .....	192
7.2.1	Cadangan Kajian Masa Depan .....	194
	<b>RUJUKAN</b> .....	195
	<b>LAMPIRAN/APPENDIX</b>	
A-1	Rajah Perjalanan Pendidikan Syeikh Abdul Rauf as-Singkili .....	205
A-2	Rajah Jaringan Pendidikan Syeikh Abdul Rauf as-Singkili .....	206



A-3	Rajah Perjalanan Pendidikan Syeikh Nuruddin ar-Raniry .....	207
A-4	Rajah Jaringan Pendidikan Syeikh Nuruddin ar-Raniry .....	208
B-1	Struktur Sistem Politik dan Pemerintahan Kerajaan Aceh Darussalam ...	209
C-1	Salasilah Keturunan Teungku Muhammad Zamzami al-Hadramy .....	210
D-1	Senarai Kitab-Kitab Karangan Syeikh Nuruddin ar-Raniry .....	211
D-2	Senarai Kitab-Kitab Karangan Syeikh Abdul Rauf as-Singkili .....	213
E-1	Surat Keputusan Penubuhan Propinsi Daerah Istimewa Aceh .....	214
E-2	Surat Pengesahan Penubuhan Kota Pelajar Darussalam Oleh Presiden Soekarno .....	216
E-3	Surat Penubuhan Negara Islam Aceh (Gerakan Darul Islam) .....	217
E-4	Senarai Wakil Pemerintah Republik Indonesia Ke Aceh Bagi Menyelesaikan Konflik di Propinsi Aceh .....	218
E-5	Senarai Wakil Dewan Revolusi Darul Islam/Tentera Islam Indonesia ....	229
F-1	Gambar-Gambar Penyelidikan .....	220
<b>BIODATA PENULIS/VITA .....</b>		<b>225</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1 Kedudukan Pusat Pemerintahan Kabupaten (Daerah) di Seluruh Propinsi Daerah Istimewa Aceh .....	47
2 Kedudukan Keluasan Daerah (km <sup>2</sup> ), Jumlah dan Kepadatan Penduduk di Propinsi Daerah Istimewa Aceh Tahun 1996 .....	50
3 Jumlah Penganut Agama Mengikut Kabupaten di Propinsi Daerah Istimewa Aceh Tahun 1996 .....	63
4 Jumlah Tempat Ibadat Menurut Jenis Agama Tahun 1996 .....	64
5 Salasilah Kesultanan Kerajaan Islam Perlak .....	72
6 Salasilah Kesultanan Kerajaan Islam Aceh Darussalam .....	82

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
1 Kerangka Konseptual Kajian .....	37
2 Peta Propinsi Daerah Istimewa Aceh .....	48
3 Struktur Pemerintah Kampung di Propinsi Daerah Istimewa Aceh .....	53

## SENARAI SINGKATAN

H	- Tahun Hijrah
M	- Tahun Masihi
m.	- Meninggal
j/jil	- Juzu'/Jilid
bil.	- Bilangan
B.	- Bab
K.	- Kitab
hlm.	- Halaman
Ibid.	- Rujukan yang sama
et.al	- Rujukan yang pengarangnya tiga orang atau lebih
terj.	- Terjemahan
t.pt	- Tanpa penerbit
t.th	- Tanpa tahun
t.tp	- Tanpa tempat
SAW.	- Salallah 'Alayhi wa Sallam
SWT.	- Subhanahu wa Ta'ala
DISTA	- Daerah Istimewa Aceh
MUI	- Majlis Ulama Indonesia
LAKA	- Lembaga Adat dan Kebudayaan Aceh
MPD	- Majlis Pendidikan Daerah
LMD	- Lembaga Masyarakat Desa

LKMD	- Lembaga Kesejahteraan Masyarakat Desa
UUD	- Undang-Undang Dasar 1945
DEPDIKBUD	- Departemen Pendidikan dan Kebudayaan
PDRI	- Pemerintah Darurat Republik Indonesia
DPRD	- Dewan Perwakilan Rakyat Daerah
DI/TII	- Daerah Islam/Tentera Islam Indonesia
KODAM	- Komando Daerah Militer Aceh
NASAKOM	- Nasional – Agama – Komunis
NICA	- Netherland Indies Civil Administration
GIA	- Garuda Indonesia Airways
TNI	- Tentera Negara Indonesia
RIS	- Republik Indonesia Serikat
KMB	- Persidangan Meja Bundar
IAIN	- Institut Agama Islam Negeri
PEMDA	- Pemerintah Daerah
PERDA	- Peraturan Daerah
IPTEK	- Ilmu Pengetahuan dan Teknologi
IMTAQ	- Iman dan Taqwa
JARAHNITRA	- Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional Aceh
PDIA	- Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh
GBHN	- Garis Haluan Besar Negara
STPM	- Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
HAMKA	- Haji Abdul Malik Karim Amrullah



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Islam yang telah diturunkan oleh Allah SWT. melalui Nabi Muhammad SAW. adalah bertujuan untuk membimbing umat manusia kepada suatu bentuk kehidupan yang lebih tersusun. Ini kerana Islam itu sendiri merupakan agama yang mencakupi segenap aspek kehidupan manusia (syamil), seperti aspek kepercayaan (aqidah), ibadat (syariat), perundangan, akhlak, ketamadunan dan sebagainya. Ini jelas terbukti bahawa Islam adalah suatu agama yang lengkap dan sempurna di samping ajarannya sesuai kepada manusia tanpa mengira batas waktu.

Ciri-ciri kesejagatan yang terdapat di dalam ajarannya telah menjadi salah satu faktor utama Islam mampu berkembang ke serata dunia. Sehubungan dengan itu maka berlakulah perkembangan peradaban dan ketamadunan Islam khususnya melalui pendidikan, politik dan keagamaan yang sukar ditandingi oleh tamadun-tamadun lain yang telah wujud di dunia samada sebelum mahupun selepas Islam. Perkara ini turut diperakui oleh Gustave E. Von Grunebum (1953) yang menulis dalam buku "*Unity and Variety In Muslim Civilization*". Beliau menyatakan bahawa transformasi politik, sosial dan kebudayaan yang digerakkan oleh Islam pada zaman dahulu diperkenalkan melalui tiga konsep. *Pertama*, Islam mengajar adanya kehidupan akhirat yang merupakan

kesinambungan kehidupan di dunia. *Kedua*, Islam mendidik penganutnya supaya menghayati dan mengamalkan norma-norma hukum dan nilai-nilai moral seperti yang diajarkan kepada setiap individu muslim. Cara dan gaya hidup yang baru ini dinamakan oleh Grunebaum sebagai proses “ *individuation*”. Proses ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti moral dan etika setiap individu yang memeluk agama Islam. *Ketiga*, Islam juga menekankan peraturan dan cara hidup bermasyarakat dalam sebuah negara yang berkonsepkan kepada *al-ummah*. Konsep ini dikenali sebagai “Umma Muhammadaiya” (A. Hasjmy, 1981 : 105)

Berdasarkan pernyataan di atas, jelas menunjukkan bahawa agama Islam yang diturunkan di Mekah sehingga menjelang wafatnya Nabi Muhammad SAW. telah berkembang ke seluruh Semenanjung Tanah Arab dan sebahagian besar benua Asia, Afrika dan Eropah. Penyebaran agama Islam pada dasarnya adalah melalui dakwah para mubaligh Islam yang konsisten terhadap perjuangan mereka. Walau bagaimanapun, terdapat juga penguasaan dan penaklukan sesebuah kawasan oleh orang-orang Islam dilakukan melalui penaklukan (*futuhah*)<sup>1</sup> kuasa ketenteraan. Proses ini secara tidak

---

<sup>1</sup> **Futuhah** bermaksud penaklukan sesebuah wilayah berdasarkan kepada ekspedisi kuasa ketenteraan. Konsep Futuhah dalam Islam adalah berdasarkan kepada dakwah yang dijalankan oleh pendakwah Islam terhadap sesebuah wilayah. Namun begitu berlaku penolakan dikalangan masyarakat setempat yang disertai dengan penentangan. Apabila berlakunya penentangan yang keras oleh masyarakat tempatan telah menyebabkan terbantutnya proses dakwah yang dijalankan, Ini menyebabkan tentera Islam terpaksa campur tangan sehingga berlakunya peperangan yang akhirnya dimenangi oleh pihak Islam. Fenomena ini menyebabkan wilayah tersebut telah dapat ditawan dan ditakluki oleh pihak Islam. Konsep ini menolak beberapa pendapat yang telah dikemukakan oleh para orientalis barat yang mengatakan bahawa perkembangan Islam yang berlaku adalah berdasarkan kepada mata pedang. Namun begitu, penyebaran Islam di kawasan Nusantara berlainan dengan penyebaran Islam yang berlaku di Jazirah Arab. Ini kerana perkembangan Islam di kawasan Nusantara berlaku melalui dakwah dengan begitu cepat disebabkan oleh penerimaan golongan-golongan atasan seperti raja dan bangsawan. Penerimaan golongan atasan ini secara langsung turut diterima oleh rakyat jelata yang mengikut situasi dan kondisi yang berlaku.

langsung menjadi faktor penyebaran Islam itu sendiri.

Perkembangan Islam boleh dilihat khususnya ketika kecemerlangan ketamadunannya di Baghdad semasa pemerintahan Bani Abasiyah. Umat Islam ketika itu telah didedahkan bahawa wujudnya Kerajaan China yang sudah maju dari aspek peradabannya. Keadaan ini telah mendorong orang-orang Arab berusaha untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dari orang-orang China sambil memanfaatkan peluang perdagangan yang sedia ada di antara Timur dan Barat. Selain itu usaha-usaha dakwah juga dijalankan secara tidak langsung oleh orang-orang Arab. Sungguhpun demikian, sebenarnya telah wujud hubungan diplomatik dengan Kerajaan China sejak zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan. Beliau telah mengutuskan Sa'ad Bin Abi Waqas sebagai diplomat bagi menjalinkan hubungan Arab dengan China semasa pemerintahan Dinasti Tang (618-907M). (Dinas Parawisata DISTA Aceh, 1992 : 7)

Pada dasarnya tujuan utama orang-orang Arab adalah untuk mengembangkan agama Islam, di samping melakukan aktiviti perdagangan di antara kedua-dua buah negara. Semasa pelayaran tersebut, mereka telah singgah di Kepulauan Sumatera yang merupakan sebuah pusat persinggahan utama di kawasan Nusantara. Pusat ini lebih dikenali sebagai Perlak yang merupakan tempat untuk mendapatkan barang-barang dagangan rempah dan kapur barus. (M. Zainuddin, 1961 : 78)

Sebelum kedatangan Islam, Aceh merupakan pusat perkembangan agama dan kebudayaan yang dipengaruhi oleh ajaran agama Hindu dan Buddha. Secara umumnya



penganut agama ini tinggal di kawasan pesisiran pantai Aceh, manakala di kawasan pedalaman Aceh pula dipengaruhi oleh kepercayaan animisme dan dinamisme. Ini terbukti terdapatnya tiga buah kerajaan besar iaitu Kerajaan Indra Patra, Kerajaan Indra Purwa dan Kerajaan Indrapuri. (Dinas Parawisata DISTA Aceh, 1992 : 8)

Bermula dari pertapakan saudagar-saudagar Arab, Islam mula bertapak di Aceh apabila mereka membuka penempatan dan berasimilasi dengan penduduk pribumi khususnya melalui perkahwinan. Kesan daripada fenomena ini, mereka telah menubuhkan Kerajaan baru yang berorientasikan sistem pemerintahan Islam. Kerajaan baru ini dikenali sebagai Kerajaan Islam Perlak yang merupakan kerajaan Islam pertama di Nusantara. (Dinas Parawisata DISTA Aceh, 1992 : 9)

Kesan peninggalan artifak sejarah seperti batu-batu nisan kuno di sekitar kota Perlak (Aceh Timur sekarang) membuktikan wujudnya sebuah Kerajaan Islam di Perlak. Kesahihan mendirikan Kerajaan Islam Perlak yakni Sultan Alaidin Said Maulana Abdul Aziz Syah (225H–249H/840M–864M) beserta dengan isterinya Putri Meurah Mahdum Khudawi.(A.

Menurut catatan Marco Polo yang telah singgah di Ferlec (Perlak) pada tahun 1292 dalam pelayaran pulang ke negerinya, beliau telah menemui segelintir penduduk negeri itu yang telah memeluk agama Islam. Namun begitu beliau menyatakan terdapat